

# Kakitangan Perpustakaan UTHM masak bubur lambuk

Sua  
Hutan  
PR  
7.8.10

**PARIT RAJA** - Pihak Perpustakaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), terus menggerakkan tradisi memasak bubur lambuk pada Ramadan untuk diagihkan.

Meski pun baru masuk tahun kedua, aktiviti berkenaan dianggap sebagai platform mengeratkan hubungan sesama kakitangan selain dapat menjalin hubungan yang lebih baik dengan pelbagai pihak.

Ketua Biro Kerohanian Kelab Pustaka Perpustakaan UTHM, Zuraini Tasri berkata, Ramadan adalah bulan yang cukup istimewa seperti ada tarikan untuk masyarakat saling bekerjasama.

Menurutnya, salah satu akti-

viti yang biasa dilakukan adalah memasak bubur lambuk secara bergotong-royong.

“Aktiviti berkenaan juga sebagai mengenang kembali situasi yang dilakukan semenjak dahulu, saling membantu menyiapkan juadah berbuka puasa untuk dijamah bersama,” katanya.

Jelasnya, bubur lambuk ini diagihkan kepada kakitangan Perpustakaan UTHM, warga universiti berkenaan dan golongan yang memerlukan seperti anak yatim di Wisma Yatim Batu Pahat.

Zuraini berkata, aktiviti ini akan dijadikan tradisi setiap kali Ramadan bagi memastikan ia terus terpelihara

dan mencapai misi pelaksanaannya.

Menurutnya, ia juga sebagai cara untuk melihat ‘tangan emas’ kakitangan Perpustakaan UTHM ini dalam kerja memasak, yang sebelum ini kelihatan hanya menyusun buku sahaja.

“Dengan menyediakan juadah bubur lambuk secara bersama secara tidak langsung menimbulkan kegembiraan dalam kalangan kakitangan kerana berjaya menghasilkan hidangan yang setahun ditinggalkan.

“Kami turut gembira kerana usaha menyiapkan bubur lambuk ini mendapat galakan dan kerjasama daripada beberapa pihak yang ingin melihat tradisi ini diteruskan,” katanya.



**Kakitangan Perpustakaan UTHM yang terlibat dalam kerja menyiapkan dan mengagihkan bubur lambuk.**